



**PERSATUAN PENDUDUK JALAN 73-75 (TIEM), TAMAN ALAM BUDIMAN,
SEKSYEN U10, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

PPM-043-10-27092017

No. 39, Jalan Pulau Lumut U10/73B, Taman Alam Budiman, Seksyen U10,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

email : admin@tiem.my <http://www.tiem.my>

Tarikh : 15 Disember 2025

Kepada :
Semua Ahli TIEM

Tuan/Puan,
NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN TIEM KALI KE 7, 2025

Perkara diatas adalah dirujuk.

2. AJK TIEM Sesi 2024-2026 telah bersetuju untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 7 sebagaimana berikut :-

Tarikh : 29 Disember 2025 (Isnin) Masa : 9.30 malam

Tempat : Google Meet

<https://meet.google.com/edc-dngi-fze>

Agenda :

9.30 mlm : Pendaftaran Kehadiran

9.45 mlm : Ucapan Pengerusi TIEM dan Perasmian Mesyuarat Agung

- a. Pembentangan dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung 6
- b. Pembentangan Laporan Setiausaha
- c. Pembentangan dan meluluskan Penyata Kewangan
- d. Pembentangan usul & cadangan
- e. Ucapan Penangguhan Pengerusi
- f. Majlis Bersurai

3. Warga TIEM yang ingin mengemukakan usul dan cadangan, sila berbuat demikian sebagaimana Borang Usul yang disertakan.

Segala kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih. Sekian.

Yang benar,

Disediakan oleh ;

Mohd Yusuf bin Mohd Ghazali
Setiausaha

BORANG USUL / CADANGAN
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN TIEM KALI KE 7, 2025

Kepada :

Setiausaha TIEM

No. 39, Jalan Pulau Lumut U10/73B, Taman Alam Budiman, Seksyen U10,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
email : admin@tiem.my <http://www.tiem.my>

Saudara,

Usul / Cadangan saya:

[illegible]

Tandatangan : _____

Nama : _____

Alamat : No. Rumah : _____, Jalan Pulau Lumput U10/ _____
Taman Alam Budiman, Seksyen U10, 40170 Shah Alam, Selangor

Telefon : _____

Tarikh : _____

Sila hantar pada atau sebelum 22 Disember 2025 kepada admin@tiem.my



**PERSATUAN PENDUDUK JALAN 73-75 (TIEM), TAMAN ALAM
BUDIMAN, SEKSYEN U10, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**
PPM-043-10-27092017
No. 39, Jalan Pulau Lumut U10/73B, Taman Alam Budiman, Seksyen U10, 40170 Shah
Alam, Selangor Darul Ehsan
email : admin@tiem.my <http://www.tiem.my>

MINIT MESYUARAT AGUNG KALI KEENAM

Tarikh	:	31 OGOS 2024 (SABTU)	Masa	:	9.00 pagi
Tempat	:	Gazebo, Tasik TIEM	Kehadiran	:	37 orang

1.0 Ucapan Pengerusi

- 1.1 Pengerusi, Azhar Aziz mengucapkan terima kasih dan selamat datang kepada semua yang hadir pada Mesyuarat Agung kali ini.
- 1.2 Tujuan mesyuarat agung diadakan adalah untuk melantik AJK TIEM yang baru bagi sesi 2024-2026 bagi menggantikan AJK terdahulu.
- 1.3 Memaklumkan bahawa TIEM adalah sebuah persatuan dibawah kategori sosial (penduduk) yang sah dan didaftarkan dibawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) atau Registrar Of Society (ROS) pada 27 September 2017. Keahlian TIEM adalah terbuka kepada semua penduduk Taman Alam Budiman yang tinggal di Lorong 73 hingga 75 sahaja. TIEM sangat bekerjasama dengan Persatuan Penduduk Taman Alam Budiman (ABRA) yang mewakili suara seluruh penduduk yang tinggal di Taman Alam Budiman. Jadi tidak timbul isu dan keraguan terhadap status TIEM yang telah ditubuhkan pada tahun 2017 oleh Encik Azhar Aziz dan protem pada ketika itu.
- 1.4 Ucapan tahniah kepada seluruh warga TIEM kerana telah menjadi juara dalam kejohanan sukan ABRA buat kali-2 (kali pertama adalah pada tahun 2018)
- 1.5 CCTV yang disumbangkan oleh ABRA telah beroperasi pada sejak bulan Januari 2024. Namun terdapat masalah kepada kamera tersebut dan pihak vendor sedang dalam proses penukaran dengan pihak pembekal. Penduduk TIEM diminta menghebahkan kewujudan CCTV tersebut.
- 1.6 Memohon agar warga TIEM mendaftar sebagai ahli dengan yuran sebanyak RM20 seumur hidup manakala yuran bulanan adalah RM5 atau RM60 untuk setahun.

2.0 Pembentangan Minit Mesyuarat AGM dan Penyata Kewangan

- 2.1 Puan Salmah mencadangkan agar Minit Mesyuarat Ke 5 disahkan. Cadangan disokong oleh Encik Mahady.
- 2.2 Sdr Azhar memaklumkan bahawa sebanyak RM7,842.90 daripada baki didalam akaun TIEM adalah wang dari kutipan pagar.
- 2.3 Puan Suhaili mencadangkan agar penyata kewangan 2023 disahkan. Cadangan disokong oleh Encik Azman.

3.0 Pembubaran AJK 2023/2024 dan Perlantikan AJK Baru untuk sesi 2024/2025

Azhar Aziz secara rasminya telah membubarkan AJK Sesi 2023/2024 dan majlis sebulat suara telah melantik Encik Shahrizal sebagai Pengerusi Sementara bagi mengendalikan Mesyuarat Agung Ke 6, 2024.

3.1 Pengerusi

- 3.1.1 Puan Haslin mencadangkan Encik Azhar Aziz sebagai Pengerusi TIEM. Cadangan disokong oleh Encik Badrul Hisham.

3.2 Naib Pengerusi

- 3.2.1 Puan Hajar mencadangkan Encik Shahrizal sebagai Naib Pengerusi TIEM. Cadangan disokong oleh Encik Yusof.

3.3 Setiausaha

- 3.3.1 Puan Nadia mencadangkan Encik Yusof sebagai setiausaha TIEM. Cadangan disokong sebulat suara oleh ahli mesyuarat.

3.4 Naib Setiausaha

- 3.4.1 Encik Badrul Hisham mencadangkan Encik Mohd Nor sebagai Naib Setiausaha TIEM. Cadangan disokong oleh Puan Siti Rosyawati.

3.5 Bendahari

- 3.5.1 Encik Badrul mencadangkan Puan Siti Rosyawati sebagai Bendahari TIEM. Cadangan disokong oleh Puan Hajar.

3.6 Ahli Jawatankuasa Kecil

- 3.6.1 Majlis sebulat suara telah bersetuju untuk melantik :
 - i. Encik Isman Isni
 - ii. Encik Badrul Hisham Shahbudin
 - iii. Puan Haslin Basari
 - iv. Encik Mohd Riduan Mat Zalisebagai Ahli Jawatankuasa Kecil TIEM bagi sesi 2024/2026.

3.7 Juruaudit Dalaman

- 3.7.1 Ahli mesyuarat sebulat suara melantik Puan Fahriza Noor Syamsinar Binti Kamarozzaman sebagai Juruaudit Dalaman.

4.0 Pembentangan Cadangan

- 4.1 Puan Nadia memohon agar pembinaan pagar di Jalan 74 dan 74A disegerakan agar keselamatan penduduk lebih terjamin.
 - 4.1.1 Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat sejumlah RM7,842.90 duit pagar di dalam akaun bank TIEM yang boleh digunakan untuk memperbaiki pagar sedia ada dan seterusnya mengaktifkan Projek Pagar bagi menyiapkan baki pagar di Jalan 74 dan 74A. Mesyuarat bersetuju untuk mengaktifkan kembali Projek Pagar dan makluman terperinci akan diberitahu kemudian melalui laman web dan whatsapp group.

- 4.2 Puan Salmah mencadangkan agar tapak tadika di Jalan 74A yang tidak digunakan agar dapat dimanfaatkan oleh penduduk TIEM.
 - 4.2.1 Encik Badrul Hisham memaklumkan bahawa terdapat cadangan untuk menjadikan tapak tersebut sebagai pejabat operasi Persatuan Penduduk ABRA dan juga TIEM serta Persatuan Penjaja AB. Makluman terkini akan dikemaskini dari masa kesemasa.
 - 4.2.2 Encik Azhar mencadangkan sekiranya jadi, laluan masuk perlu diubah dari Jalan 74 dan bukan dari Jalan 74A.
- 4.3 Encik Badrul memaklumkan bahawa terdapat lebih daripada kutipan yuran keselamatan pada cuti Hari Raya tempohari.
 - 4.3.1 Mesyuarat bersetuju untuk Encik Badrul menggunakan baki tersebut bagi membaik pulih Pondok Keselamatan sediada TEIM.
 - 4.3.2 Encik Azhar maklumkan yang kutipan yuran pengawal dan kawalan keselamatan semasa Hari Raya adalah bersifat sementara yang digerakkan oleh warga TIEM sendiri.
- 4.4 Encik Badrul yang juga Pengerusi ABRA memaklumkan bahawa ABRA didalam proses untuk menjalankan kajian samada precinct sediada memerlukan kawalan keselamatan oleh syarikat atau pun tidak. Namun begitu proses mencari dan menguruskan kawalan keselamatan tersebut adalah dibawah kelolaan precinct masing-masing dan bukan dibawah ABRA.
 - 4.4.1 Puan Salmah mengusulkan agar TIEM menyiapkan pagar yang masih tertangguh di Jalan 74 dan 74A. Beliau juga mencadangkan agar perkhidmatan kawalan keselamatan diadakan secara bermusim seperti pada Hari Raya atau cuti yang panjang sebagaimana yang telah dibuat sebelum ini.
 - 4.4.2 Encik Azhar menyarankan agar tidak mengujudkan kawalan keselamatan 24 jam melalui syarikat yang dilantik kerana tidak mahu masalah lama berulang kembali dan hanya fokus kepada waktu tertentu sahaja sebagaimana sebelum ini.
 - 4.4.3 Encik Mohd Nor juga menyokong cadangan Encik Azhar Aziz agar tidak menubuhkan perkhidmatan kawalan keselamatan kerana lebih banyak masalah yang akan timbul terutamanya dari segi kutipan yuran.
- 4.5 Encik Sopian mengusulkan masalah tar jalan yang rosak di jalan 10/73 segera dibaiki.
 - 4.5.1 Encik Badrul maklumkan akan berhubung dengan pihak yang berkenaan bagi menyelesaikan masalah tersebut.
- 4.6 Puan Haslin mencadangkan agar petak kuning dibina di persimpangan masuk TIEM dari Persiaran Pulau Lumut.
 - 4.6.1 Encik Azhar menyatakan petak kuning akan dibina setelah selesai kerja-kerja memperbesar longkang di jalan utama. (Petak Kuning ini telah dibuat oleh kontraktor pada sebelah malam pada hari yang sama sebaik sahaja AGM ini berlangsung).
- 4.7 Masalah yang ditimbulkan oleh kucing jalanan masih tiada jalan penyelesaian dan berharap agar warga TIEM dapat mengambil inisiatif sendiri bagi mengurangkan masalah tersebut.
- 4.8 Encik Azhar berharap agar cadangan untuk untuk mewujudkan CCTV mengikut lorong sebagaimana yang telah dibuat oleh lorong 75B dapat dilaksanakan dan digerakkan oleh setiap lorong di kawasan TIEM.
- 4.9 Encik Badrul mencadangkan untuk mengadakan gotong royong membersihkan kawasan TIEM. Sampah pukal boleh dibuang di tong roro yang disediakan nanti.

5.0 Pertukaran Akaun Bank TIEM

- 5.1 Encik Azhar Aziz memaklumkan bahawa akaun bank sediada TIEM akan ditukar dari Bank Islam Malaysia Berhad Cawangan Bukit Jelutong, Shah Alam kepada Maybank Cawangan Setia Alam, Shah Alam sebagaimana berikut :

Azhar Bin Aziz - Pengerusi
HP : 019 2991600

Mohd Yusuf Bin Mohd Ghazali - Setiausaha
HP : 016 6060586

Siti Rosyawati Binti Awang Hamat - Bendahari
HP : 0194881976

Dengan syarat penandatanganan : Kesemua nama di atas.

6.0 Ucapan Penangguhan

- 6.1 Encik Azhar Aziz (Pengerusi TIEM) mengucapkan terima kasih dan menyeru ahli TIEM memberi sokongan yang penuh kepada persatuan.
- 6.2 AJK yang baharu akan meneruskan program yang telah dicadangkan serta merangka program-program yang baru pada masa yang akan datang.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Disediakan oleh,



Mohd Yusuf bin Mohd Ghazali
Setiausaha TIEM


Disahkan oleh,



Azhar Aziz
Pengerusi TIEM

LAPORAN AKTIVITI (JANUARI - DISEMBER 2024)

1. Jamun Raya TIEM 2023



Jamuan Raya TIEM 2024
Tarikh : 11 Mei 2024 (Sabtu)
Masa : 9.00 malam
Tempat : Tasik TIEM
Bayaran : RM10 seorang (7 Tahun keatas)

Menu Utama (AJK Sediakan) :

- Nasi minyak
- Ayam masak merah
- Acar jelatah
- Air Balang

Menu Penaja :

- Nasi Impit (1000 biji) + kuah kacang = Penaja : Lorong 73
- Ice Cream (500 kon) = Penaja : Lorong 74
- Buah & Rojak Buah = Penaja : Lorong 73B
- Air Soya Segar (450 cup) + Drinking Water 250ml (500 botol) = Penaja : Zaini (Tilia)
- Apam Balik Crispy (300 keping) = Penaja : Dr Fairudz (Embun)
- Laksa (200 pax) = Penaja : Lorong 75A
- Nasi Lemak (200 bungkus) = Penaja : Lorong 75B

11 Mei 2024. Alhamdulillah, sejarah telah tercipta di Precint TIEM. Walaupun hujan turun sejak petang Sabtu dan berterusan hingga ke malam, namun Jamuan Raya TIEM 2024 tetap berlangsung meriah dengan kehadiran lebih dari 300 orang warga TIEM di perkarangan Tasik Alam Budiman.

Pelbagai makanan dihidangkan seperti nasi impit, buah, rojak, laksa serta nasi lemak hasil dari muafakat serta gotong royong setiap lorong disamping makanan utama yang disediakan oleh Komite berupa nasi minyak serta air balang dan juga air soya. Tidak lupa apam balik crispy dan ais krim turut mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari warga TIEM.

Perancangan Allah itu lebih baik dan kita tetap bersyukur kerana majlis dapat berjalan dengan baik. Kami ingin menyusun jari memohon maaf dengan kekurangan yang ada, ada yang terpaksa makan dibawah payung dengan dibasahi dengan air hujan disamping keadaan padang rumput yang turut becak. Ramai juga yang tidak dapat turut serta memandangkan faktor cuaca yang tidak menyebelahi kita.

Inilah keunikan kejiran TIEM, bersatu hati, hormat dan sayangkan kejiranan melebihi segala-galanya.

Terima kasih kepada semua warga TIEM yang telah menyumbang dan hadir ke majlis tempohari. Sokongan anda semua sangat diperlukan dan kami amat menghargainya. Terima kasih kepada para penaja yang sangat membantu dari aspek kewangan.

Terima kasih tidak terhingga juga kepada barisan KOMITI sementara yang dibentuk bagi merealisasikan Jamuan Raya TIEM 2024 sehingga jayanya. Anda semua memang hebat. Terima kasih kepada semua dan insyaAllah kita jumpa lagi pada tahun hadapan.

2. Peringatan Wabak Denggi di TIEM

Perhatian semua penduduk Alam Budiman!. Pejabat Kesihatan Daerah Petaling telah memaklumkan berlakunya wabak denggi tak terkawal di lokaliti Taman Alam Budiman.

Sila ambil tindakan segera dengan mengemas kawasan sekitar rumah jika ada tempat-tempat pembiakan aedes. Jaga kesihatan semua agar wabak ini segera dapat ditamatkan.

Lokasi : E5. Seksyen U10 (Alam Budiman : Jalan U10/68-U10/77B) - 12 KES

Jalan U10/71 - 1 Kes
Jalan U10/72 - 4 Kes
Jalan U10/73B - 2 Kes
Jalan U10/75A - 1 Kes
Jalan U10/76A - 3 Kes
Jalan U10/76H - 1 Kes

Status Lokaliti : WABAK TAK TERKAWAL

Bilangan Kes : 12 Kes

Bilangan Episod wabak : 4 episod

Mohon penduduk menjalankan aktiviti gotong-royong bagi memastikan tiada bekas yang berpotensi menakung air di dalam dan luar kediaman. Karnival Sukan Antara Precint AB telah kembali diadakan semula selepas tidak dianjurkan pada tahun 2019 hingga 2022 dimana TiEM muncul Juara Keseluruhan buat kali terakhir pada tahun 2018.

3. Naik taraf longkang & parit erong - Terima kasih MBSA

Akhirnya, satu jalan penyelesaian telah diambil oleh pihak MBSA untuk terus mengelakkan banjir kilat yang melanda Persiaran Pulau Lumut, Taman Alam Budiman, Seksyen U10 sehingga menjejaskan pengguna jalan raya dan juga warga TIEM terutama yang tinggal di Lorong 73 (Sri Tilia).

Setiap kali hujan lebat dalam tempoh beberapa jam, 2 kawasan yang akan mengalami banjir kilat ialah di persimpangan masuk ke Precint TiEM dari Persiaran Pulau Lumut dan laluan keluar dari Persiaran Pulau Lumut menghala ke Persiaran Mokhtar Dahari (PMD).

Lebih memeritkan lagi ialah apabila banjir tersebut turut memberikan kesan kepada seluruh penduduk yang tinggal di Jalan 73 (Sri Tilia) kerana air yang bertakung di persimpangan masuk TiEM akan melimpah dan mengalir deras disepanjang Jalan 73 sehingga ke Kolam Tadahan Air MBSA yang terletak bersebelahan dengan TiEM.

Penduduk yang terlibat juga memohon pemandu yang melalui Jalan 73 (semasa air sedang naik) agar memperlahankan kenderaan supaya air tidak melimpah masuk ke dalam kediaman mereka.

Banjir kilat yang melanda kawasan tersebut juga telah menyebabkan beberapa kenderaan tersangkut dan tidak boleh bergerak setelah dinaiki air. Semoga dengan adanya projek naik taraf longkang dan parit erong ini dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh semua yang terlibat.

Terima kasih kepada Persatuan Penduduk Taman Alam Budima (ABRA), MPP Zon 20, ADUN Kota Anggerik, Persatuan Penduduk Jalan 73-75 (TIEM) dan Majlis Bandaraya Shah Alam serta semua pihak yang terlibat atas kerjasama yang diberikan dalam menangani permasalahan ini. Maju Rakyat Maju Negara.

4. AGM6 TiEM 2024 dan pemilihan AJK Bahar



Alhamdulillah, AGM 6 dan pemilihan AJK baharu TiEM untuk sesi 2024-2026 telah berjalan dengan lancar pada 31 Ogos 2024 (Sabtu) dengan kehadiran seramai 35 orang seawal jam 8.00 pagi.

Majlis didahului dengan sarapan pagi yang telah dibawa secara pot luck oleh sahabat jiran yang hadir. AJK turut menyediakan nasi lemak comel dan juga teh tarik yang juga telah ditempah dari warga TiEM sendiri.

AGM 6 dimulakan tepat jam 9.35 pagi dan berakhir sekitar jam 11.30 pagi. Mesyuarat dan perlantikan AJK baharu telah dapat dilaksanakan dengan lancar dalam suasana yang harmoni serta penuh dengan semangat kejiranan.

Selesai mengemas, warga TiEM yang hadir telah berkonvoi bermotosikal dan basikal beramai-ramai sambil mengibarkan Jalur Gemilang di seluruh kawasan TiEM dengan diiringi latar belakang lagu patriotik. Terima kasih kepada semua yang telah hadir dan sokongan tanpa berbelah bagi. Ramai juga yang meninggalkan pesanan tanda sokongan melalui whatsapp samada didalam group mahupun secara peribadi.

Terima kasih semua, tanpa anda siapalah kami. Teruuskan sokongan anda. Semoga TiEM akan menjadi lebih pada masa yang akan datang.


5. Naik taraf longkang dan parit erong di kawasan TIEM



Kerja-kerja naik taraf longkang dan parit erong yang telah bermula sejak Julai yang lalu kini telah sampai ke kawasan TIEM. Kawasan yang terlibat bermula dari hujung Jalan 74 dan hinggalah ke Jalan 73. Pagar TIEM yang berada dikawasan tersebut akan dibuka dan mungkin akan mengalami kerosakan dan sebagainya.

Berdasarkan kepada kerja-kerja yang telah dibuat di hadapan Surau Raudhotul Firdaus sebelum ini, pagar tersebut akan dibaiki dan dipasang semula apabila kerja-kerja tersebut telah selesai. Makluman ini juga adalah sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Sdr Badrul selaku Pengerusi ABRA kepada saya tempohari. Warga TIEM diingatkan agar berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut dan sama-sama menjaga keselamatan diri dan juga jiran-jiran.

Disediakan oleh,



Mohd Yusuf bin Mohd Ghazali
Setiausaha TIEM

Disahkan oleh,



Azhar Aziz
Pengerusi TIEM

PERSATUAN PENDUDUK LORONG 73-75 (TIEM), TAMAN ALAM BUDIMAN, SEKSYEN U10
PENYATA KEWANGAN EXSAS DARI 1 JAN 2023 HINGGA 31 DEC 2024
Bank Islam (M) Berhad - No Akaun : 12 186 0100 12054

No	Kredit	Jumlah
	Baku akaun pada 1 Jan 2024	
	Tunai di Tangan	-
	Tunai di Bank	11,968.00
1	Yuran Keahlian	2,229.00
2	Jamuan Raya	4,470.00
3	Sumbangan	2,250.00
Jumlah		20,917.00

No	Debit	Jumlah
4	Sukan ABRA - Team Sponsor	1,135.00
5	Domain	344.41
6	Jamuan Raya	6,128.15
7	Bank	1.50
	Baki akaun pada 31 Dis 2024	13,307.94
Jumlah		20,917.00

Disediakan oleh:



Siti Rosyawati Awang Hamat
Bendahari

Disemak oleh:



Azhar Aziz
Pengerusi

Kami dengan ini mengesahkan bahawa akaun yang tertera diatas adalah benar dan tepat berdasarkan maklumat yang dizahirkan kepada kami.

Diaudit oleh:



Fahriza Noor Syamsinar Kamarozzaman